

PM MASIH TIDAK PUAS HATI DENGAN TARAF HIDUP PELADANG,,

1984

SERDANG, 3 OGOS (BE BERNAMA) --- DATUK S E R I DR. MAHATHIR MOHAMAD MASIH TIDAK PUAS HATI DENGAN TARAF HIDUP PELADANG DAN NELAYAN NEGARA INI YANG MASIH BERADA DALAM GOLONGAN MISKIN DAN MAHU MEREKA MENGUBAH CARA HIDUP SUPAYA SETANDING DENGAN PENDUDUK LAIN.

PERDANA MENTERI BERKATA HAR-I INI KERAJAAN TELAH MENGGUBAL BERBAGAI STRATEGI UNTUK MENGATASI KEMISKINAN DI NEGARA INI TETAPI DASAR-DASAR KERAJAAN SERTA PEMBAHAGIAN KEKAYAAN SECARA ADIL TIDAK DAPAT MEMBASMI KEMISKINAN TANPA KESANGGUPAN PELADANG DAN NELAYAN UNTUK MENINGKATKAN TARAF HIDUP MEREKA.

BELIAU TXDAK MAHU LAGI MELIHAT PETANIDAN NELAYAN HIDUP SEPERTI 10 ATAU 50 TAHUN LALU DAN MENGGESA MEREKA SUPAYA EERSEDIA MENUKAR CARA HIDUP MEREKA UNTUK MENYAHUT CABARAN NEGARA YANG PESAT MENJELANG TAHUN 2,000 ATAU 2,500. AKAN DATANG.

+KITA MESTI MENGUBAH CARA HIDUP KITA. KITA TIDAK BOLEH HIDUP SEPERTI 10, 50 ATAU 100 TAHUN DAHULU. JIKA KLTA TIDAK SANGGUP BERLUMBA MEMBAIKI HIDUP KITA, KITA AKAN KETINGGALAN DAN MASIH BERADA DALAM KEMISKINAN. +TAMBAHNYA SEMASA MELANCARKAN MLNGGU PELADANG DAN NELAYAN KEBANGSAAN DI UNIVERSITI PERTANIAN DI SINI.

SEMPENA PERAYAANITU, SATU EXPO PERTANIAN ANTARAEANGSA -- AGASIA 84

-- DIADAKANDIBUKIT EXPO UPM YANG DISERTAI OLEH 200 FIRMA SWASTA MEWAKILI 18 NEGARA ASING DAN TEMPATAN SERTA 31 AGENSI KERAJAAN.

--LAGI

1929MST 03 08 84

EK

PM MASIH TIDAK PUAS HATI 2 SERDANG (AKHIR)

DR. MAHATHIR MENEKANKAN SEMINAR SIMPOSIUM ATAU KAJI-SELIDIK YANG DIJALANKAN UNTUK MENGENALPASTI SEBAB-SEBAB KEMISKINAN SAMPAI BILA-BILAPUN TXDAK AKAN MENGATASX MASALAH NELAYAN DAN PARA PELADANG TANPA MEREKA SENDIRI +MENOLONG DIRI MEREKA. +

+TIDAKGUNA ARA SEMINAR SIMPOSIUM ATAU KAJI-SELDIK SEBAB-SEBAB KEMISKINAN JIKA MASIH ADA YANG MISKIN.

+TIDAKGUNAJUGA MENJEMPUT PARA CERDIK-PANDA1 MEMBENTANGKAN KERTAS KERJA MENGENAI KEMISKINAN DENGAN MENGESYORKAN KERAJAAN SEPATUTNYA BERBUAT SESUATU UNTUK MENGATASI KEMISKINAN TANPA PENERIMAAN PELADANG DAN NELAYAN UNTUK MENUKAR CARA HIDUP MEREKA. +

PERDANA MENTERI MENJELASKAN TANPA KERJASAMA MEREKA, BUKAN SAHAJA SESUATU STRATEGI ITU GAGAL MALAHAN STRATEGI DEMI STRATEGI YANG DILAKSANAKAN TEPAP TIDAK AKAN MENCAPAI KEJAYAAN.

BELIAU MENGULANGI BAHAWA ADALAH MENJADI KENYATAAN KEMISKINAN TERDAPAT DI MANA-MANA MALAHAN DI NEGARA-NEGARA KAYAPUN YANG SEPATUTNYA DAPAT MEMBAHAGIKAN KEKAYAANNYA SECARA ADIL JUGA PERSOALAN KEMISKINANITU TIMBUL.

--BE BERNAMA.